

Kerja Berpasukan

Bahagian 3 / akhir



Dr. Ali Qassem

www.aliqasseminternational.com

Sememangnya, kerja berpasukan menjadi isu yang penting dalam kebanyakan organisasi. Memang juga tidak dapat dinafikan bahawa kerja berpasukan yang efektif membawa kejayaan kepada organisasi.

Bukanlah mudah untuk membentuk satu pasukan kerja yang mempunyai semangat berpasukan lagi efektif bagi mencapai sesuatu matlamat. Ahli-ahli pasukan perlu selalu berjumpa untuk membuat perbincangan dan melaporkan perkembangan tugas yang diberikan. Kerja berpasukan harus dibentuk dengan betul, dipantau secara berterusan, sentiasa diperbaiki mana-mana kesilapan, terdiri dari ahli-ahli pasukan yang mempunyai sifat-sifat tertentu, barulah dapat mencapai sesuatu matlamat.

Sifat-sifat yang patut ada pada setiap ahli pasukan diterangkan dengan lebih lanjut seperti yang berikut.

Setiap ahli pasukan perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu tugas dan sentiasa meningkatkan kecemerlangan diri bagi mencapai hasil yang membanggakan.

Ahli-ahli pasukan diinspirasi oleh visi yang jelas, di mana mereka memahami visi, menerima visi, bermuafakat bekerja dengan semangat kegigihan dan ketekunan untuk mencapai visi tersebut tanpa mengira pelbagai rintangan yang bakal dihadapi. Mereka

juga bersikap demokrasi, menerima pandangan orang lain, rasional dan berhati terbuka dalam semua perkara.

Setiap ahli pasukan saling mempercayai, jujur, saling menghormati, menerima tanggungjawab dan peraturan dan mempunyai akauntabiliti. Mereka bertanggungjawab atas tugas masing-masing dan tugas pasukan. Mereka juga tidak menyalahkan orang lain di kala menghadapi rintangan atau membuat kesilapan. Mereka, seperti yang dikatakan oleh Dong Smith, berkongsi beban, bahagikan kesedihan. Ianya samalah seperti dalam pepatah Melayu, “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.”

Ahli-ahli pasukan juga tidak mementingkan diri sendiri. Kesemua tugas yang dilaksanakan adalah berdasarkan konsep ‘kita’ bukan ‘saya’. Mereka percaya bahawa semangat kerjasama dan saling berganding bahu adalah punca pencapaian matlamat. Mereka bekerja berpandukan dengan peribahasa Jepun yang berbunyi, “Sebatang panah mudah sahaja dipatahkan, tetapi bukannya sepuluh batang panah yang dikat bersama.”

Mereka sentiasa saling bantu membantu dan berinisiatif melakukan apa yang sepatutnya tanpa diberitahu atau disuruh.

Mereka sentiasa menepati masa dalam apa jua kerana bagi mereka masa adalah unik dan sumber penting yang tidak dapat dituntut semula.

Mereka juga bertoleransi, sabar, bertimbang rasa terhadap ahli lain tanpa mengira agama, bangsa, budaya, umur dan jantina. Seorang penulis pernah mengatakan, “Kita adalah pasukan yang berkesan apabila kita saling puji memuji tanpa segan silu dan tidak takut dengan kritikan orang lain.”

Organisasi, masyarakat dan negara dibina oleh manusia. Manusia adalah aset paling utama dalam organisasi. Dengan itu, adalah tersangat mustahak bagi setiap organisasi mempunyai semangat kerja berpasukan. Dengan mempunyai tenaga kerja yang bekerja berpasukan, semua matlamat yang dirancang dapat dicapai.

Henry Ford, pengasas syarikat motor Ford berkata, “Seiring sejalan adalah satu permulaan, sehati sejiwa adalah satu perkembangan, berganding bahu adalah satu kejayaan.”

- Tamat -

